

0527

U B328 AAB
MAHATHIR - JAWATANKUASA

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA TELAH DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENGAJAI PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) UNTUK MENENTUKAN SEBAB-SEBAB MATLAMATNYA TIDAK TERCAPAI DAN USAHA YANG PERLU DIBUAT UNTUK MENCAPAI MATLAMATNYA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA JAWATANKUASA ITU DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DAN DIANGGOTAI OLEH 15 ORANG TERMASUK LIMA MENTERI, AHLI PERNIAGAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

JAWATANKUASA ITU AKAN MENGAMBILKIRA PANDANGAN SEMUA PIHAK TERMASUK MEREKA YANG MENEGUR BEBERAPA ASPEK DEB KHUSUSNYA PERLAKSANAANNYA YANG DIKATAKAN TIDAK BETUL, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA YANG PENTING IALAH SAMA ADA MATLAMAT DEB DICAPAI DAN BUKANNYA TEMPOH YANG DITETAPKAN BAGI DASAR ITU DALAM MEMBINCANGKAN SAMA ADA DASAR ITU PATUT DITERUSKAN.

BELIAU MENJELASKAN KALAU SUDAH SAMPAI TAHUN 1990, MATLAMAT DEB TIDAK TERCAPAI SOAL TEMPOH DASAR ITU TIDAK PENTING TETAPI YANG PENTING IALAH SAMA ADA PEMBAHAGIAN KEKAYAAN NEGARA SEBANYAK 30 PERATUS KEPADA BUMIPUTERA ITU TERCAPAI. -- LAGI
1350MST 18 09 86

0535

U B337 AAB
MAHATHIR-JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU HENDAK DIKIRA, MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA ITU MASIH TERLALU RENDAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERATUSAN JUMLAH PENDUDUK BUMIPUTERA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MERAMPAS HAK KAUM LAIN SEMATA-MATA UNTUK MEMBAHAGI-BAHAGIKAN KEKAYAAN MELALUI DASAR ITU.

SEPERTI YANG DIJELASKAN SEBELUM INI, KATANYA, PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DI BAWAH DASAR ITU BERDASARKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DAN KALAU TIDAK ADA PERTUMBUHAN, IA TIDAK DAPAT DILAKUKAN.

MEMANDANGKAN TIDAK ADA PERTUMBUHAN DAN INI TIDAK DIJANGKA BERLAKU, MAKA KELONGGARAN HARUS DIBERIKAN DALAM MENENTUKAN PENERUSAN DASAR ITU KERANA YANG PENTING IALAH PENCAPAIANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUAT SEMENTARA WAKTU INI KERAJAAN AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA MENGADAKAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DAN TIDAK KEPADA PEMBAHAGIANNYA. -- BERNAMA.

1405MST 18 09 86